

## **Prognosis Masyarakat Muslim Terhadap Paradigma Pengobatan Islam di Malaysia**

**Khadher Ahmad**

Universiti Malaya, khadher82@um.edu.my

**Muhammad Ikhlas Rosele**

Universiti Malaya, ikhlas@um.edu.my

**Mohd Farhan Md Ariffin**

Universiti Malaya, al.muqarrobun@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol47no2.5>

### **Abstrak**

Pengobatan Islam merupakan kaedah penyembuhan penyakit berdasarkan hukum syarak oleh orang yang mahir dengan kaedah rawatan yang dilakukan semata-mata kerana Allah SWT. Bagi majoriti negara Muslim, subjek adalah metode yang popular dalam penjagaan kesihatan. Walau bagaimanapun, belum wujud sebarang bentuk program kesihatan berbentuk praktik rawatan dan pencegahan penyakit berasaskan pengobatan Islam secara komprehensif di mana-mana negara sehingga kini. Ini membuktikan pengobatan Islam belum mampu untuk tampil sebaris dengan model kesihatan bawaan Barat. Demikian bagi menilai potensi jalinan integrasi antara pengobatan Islam dan moden di Malaysia, artikel ini memfokuskan persepsi masyarakat Muslim berkenaan prospek masa depan pengobatan Islam yang didapati hasil daripada analisis borang soal selidik. Para responden terdiri daripada 379 orang pesakit yang mengunjungi sejumlah 70 buah pusat pengobatan Islam di Malaysia. Hasil kajian mendapati persepsi tahap tinggi ditunjukkan responden terhadap prospek pengobatan Islam. Hal ini menunjukkan kepekaan populasi kajian terhadap kewujudan, peranan dan kepentingan pengobatan Islam di Malaysia. Kombinasi bersama pengobatan Islam dengan sistem perubatan moden dijangka mampu direalisasikan, termasuk mewujudkan satu kurikulum pengobatan yang lebih berautoriti. Rumusan kajian ini berguna sebagai panduan dalam memahami kehendak masyarakat dalam memacu hala tuju pengobatan Islam di Malaysia.

**Kata kunci:** pengobatan Islam, adaptasi Islam, Islam futuristik, integrasi Islam

### ***Prognosis of Muslim Society on Islamic Medicine Paradigm in Malaysia***

#### ***Abstract***

*Islamic medicine is a method of diseases healing based on Islamic law by those who are proficient with the treatment performed solely for Allah. For most Muslim countries, the subject is a popular method of healthcare. However, there has not been any comprehensive health program in the form of comprehensive Islamic medicine-based treatment and prevention in any country to date. This proves that Islamic medicine has not been able to come in line with Western health models. To assess the potential for integration between Islamic and modern medicine in Malaysia, this article focuses on the Muslim community's perception of the future prospects of Islamic medicine as a result of the questionnaire analysis. The respondents consisted of 379 patients who visited a total of 70 Islamic medical centers in Malaysia. The study found that respondents' high level of perception towards Islamic alternative treatment prospects. This indicates the sensitivity of the study population to the existence, role and importance of Islamic medicine in Malaysia. The combination of Islamic medicine with the modern medical system is expected to be realized, including the creation of a more powerful medical curriculum. The findings of this study are useful as a guide in understanding the needs of the community in driving the direction of Islamic medicine in Malaysia.*

**Keywords:** *Islamic medicine, adaptation of Islam, Islamic futuristic, integration of Islam*

#### **Pendahuluan**

*Traditional Arabic and Islamic Medicine (TAIM)* merupakan suatu metode pengobatan yang diterima secara meluas dalam dunia Islam. Sebagai contoh, subjek mendapat perhatian penduduk yang berada dalam lingkungan Mediterranean, selari dengan kepercayaan mereka terhadap pengubat rohani (*spiritual healers*). Dalam pada itu, TAIM turut menjadi pilihan utama dalam mengubati penyakit seperti isu kesuburan, sawan dan stres. Selain daripada itu, TAIM didapati berjaya merawat beberapa penyakit akut dan kronik. Realiti ini telah memartabatkan TAIM sebagai kaedah pengobatan yang semakin menarik minat golongan saintifik.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Norhafizah Musa & Che Zarrina Sa'ari, "Pendekatan Psikoterapi Islam dalam Menguruskan Tekanan Pesakit Kronik", *Jurnal Usuluddin* 47, 1 (2019): 1-34.

Malaysia juga tidak terkecuali dalam penerimaan rawatan berasaskan TAIM. Hal tersebut boleh dibuktikan dengan perkembangannya melalui pertumbuhan pusat-pusat rawatan. Berdasarkan maklumat pada tahun 2014, jumlah pusat rawatan Islam yang telah ditubuhkan di Malaysia dianggarkan melebihi daripada 100 buah.<sup>2</sup> Angka ini adalah satu angka yang besar dan signifikan untuk membuktikan perkembangan dan penerimaan positif terhadap pusat rawatan Islam di Malaysia.

Akan tetapi, dari perspektif yang lebih global, pengubatan Islam dilihat masih belum diterima sepenuhnya sebagai salah satu komponen penjagaan dan rawatan kesihatan utama. Walaupun secara teori dan perkembangannya, TAIM mempunyai daya saing selari dengan penerimaan masyarakat, akan tetapi realitinya tetap belum mampu menawarkan kaedah rawatan dan penjagaan kesihatan yang kondusif. Sedangkan subjek merupakan satu kekuatan model kesihatan yang dipelopori Barat<sup>3</sup> yang telah meliputi aspek diagnosis, rawatan dan pencegahan penyakit. Manakala, pengubatan Islam masih belum menyediakan secara komprehensif meliputi aspek-aspek tersebut di mana-mana negara.<sup>4</sup>

Berlandaskan kenyataan tersebut, kajian dijalankan dengan tujuan meneliti kepentingan atau signifikan pengubatan Islam di Malaya. Kajian akan menilai persepsi masyarakat berkenaan prospek TAIM pada masa hadapan. Data-data yang dikemukakan juga adalah penting untuk dirujuk bagi pemerksaan dan penambah baikan pengubatan Islam di Malaysia khususnya.

### **Senarai Pusat-pusat Rawatan Islam di Malaysia**

Dalam kajian antara tahun 2008-2013, pengkaji telah menyenaraikan sebanyak 70 buah pusat rawatan Islam dalam

---

<sup>2</sup> Khadher Ahmad et al., "Understanding the Perception of Islamic Medicine Among the Malaysian Muslim Community", *Journal of Religion and Health (JORH)*, Springer US, (2017), 1-15.

<sup>3</sup> Hassan Azaizeh et al., "Traditional Arabic and Islamic Medicine, A Re-Emerging Health Aid", *eCAM* 2010; vol. 7 (4), pp. 419-424. Ibrahim bin Syed, "Spiritual Medicine in the History of Islamic Medicine", *JISHIM* 2 no. 4 (2003), pp. 45-49.

<sup>4</sup> Salim M Adib, "From the Biomedical Model to the Islamic Alternative: A Brief Overview of Medical Practices in the Contemporary Arab World", *Social Science and Medicine* 58, issue 4 (2004), pp. 697-702.

tempoh tersebut. Perlu ditegaskan di sini bahawa sumber data senarai pusat-pusat rawatan Islam adalah dikumpulkan hasil daripada sorotan literatur dan carian atas talian terhadap subjek berkaitan. Setelah daripada itu, dilakukan kajian lapangan terhadap pusat-pusat rawatan Islam mencakupi negeri-negeri di Malaysia kecuali Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

#### Senarai Pusat Rawatan Alternatif Islam di Malaysia

- |  |   |
|--|---|
| A. Perlis Indera Kayangan  | 3. Persatuan Perubatan Islam Darussalam Malaysia Pusat Rawatan Islam IQ Insan             |
| 1. Pusat Perubatan Islam Al-Islah                                  |   |
| B. Kedah Darul Aman  | 4. D'Urut Hanafi  |
| 1. Pusat Rawatan Islam Al-Mustaqim                                 | 5. Pusat Rawatan Islam Sepohon Jadi (PRAWIS)  |
| 2. Pusat Rawatan Alam Ghaib  | 6. Pusat Rawatan Alternatif Rumah ~ Sihat (Bekam Terapi Moden Malaysia)                   |
| 3. Azlina Terapi Tradisional (138 Beauty Centre)                   | 7. Pusat Rawatan Islam Nur Muhammad   |
| 4. Pusat Rawatan Aura Zikir  | 8. Pusat Perubatan Islam Kasturi  |
| 5. Pusat Rawatan Qalbun Sakinah                                    | 9. El-Fesfanji Islamic Traditional Medicine   |
| 6. Pusat Rawatan Alternatif Aura Nur Hikmah                        | 10. Pusat Rawatan Islam Sinar Zamdurrani  |
| 7. Pusat Rawatan Tradisional Jabal Nur                             | 11. Pusat Rawatan Alternatif Nur Islam (PUSRANI)  |
| 8. Pusat Rawatan Amal  | 12. Thibbun Nabawi Healing Centre   |
| 9. Pusat Rawatan Terapi Al-Quran Darul Hikmah                      | 13. Pusat Terapi Hikmah (Kedai Bekam & Resdung) Pusat Rawatan Islam: Penawar Sihir & Saka |
| 10. Pusat Terapi Ruqyah Syar'iyah                                  | 14. Pusat Bekam Sunnah: Nurul Sunnah Entreprise   |
| C. Perak Darul Ridzuan   | 15. Pusat Rawatan Traditional Aura Nusantara  |
| 1. Pusat Rawatan Islam & Tarbiah Ilmu Darun Nuraniyyah             | 16. Pusat Rawatan Islam Al-Hidayah  |
| 2. Pusat Rawatan Al-Quran, Akupunktur, Bekam, Homeopati Ar-Ridhwan | 17. Pusat Rawatan Komplimentari Islam Yashfien  |
| 3. AZBUDI Pusat Perubatan Homeopati & Naturopati                   | 18. Pusat Rawatan Kasturi Syifa'  |
| 4. Pusat Rawatan Islam Al-Taqwa                                    | 19. Ismak (Islamic Medicine of Al-Kausar) Ruqyah  |
| 5. Pusat Rawatan Islam Ruqyah Isra'                                |   |
| D. Selangor Darul Ehsan  |   |
| 1. Pusat Rawatan Islam Al-Manarah                                  |   |
| 2. Persatuan Kebajikan & Pengobatan Islam Malaysia (Darussyifa')   |   |

20. Pusat Rawatan Islam Darul Ruqyyah
21. Akademi Rawatan Islam Nur Ehsan (AKRINE)
22. Nan S Spa Centre (Pusat Rawatan Bekam Nans)
23. Kumpulan Perawat Bandar tasik Puteri Rawang Selangor (PEBATAP)
24. Mohd Baitussyifa' (Rawatan Traditional Secara Islam
- E. Negeri Sembilan Darul Khusus
  1. Pusat Perubatan Traditional Delima Nurrun Nubuwwah
  2. Pusat Rawatan Ruhaniah
  3. Pusat Rawatan Islam At-Tobibi
- F. Melaka
  1. Pusat Rawatan Aura Syifa'
  2. Pusat Perubatan Islam 7 Puteri
  3. Pusat Rawatan Islam Al-Fatah (TIAF)
  4. Pusat Rawatan Alternatif Rohaimi
- G. Johor Darul Takzim
  1. Pusat Rawatan Alternatif Tradisional Salleh
  2. Pusat Rawatan Islam Shah Misteri
  3. Baitul Syifa' Kersani (Kersani Training & Consultancy)
  4. Pusat Terapi Islam Al-Barokah
  5. Pusat Rawatan Islam TAPEDIRI 65 (Taqwa, Pertahanan Diri & Rawatan Islam)
6. Pusat Rawatan Darul 'Illaj (Pusat Rawatan Islam & Homeopati)
7. Pusat Perubatan Ahmadiyah Sufi
8. Pusat Rawatan Islam Permata Syifa' (Rawatan Bekam Moden & Terapi Herba)
- H. Pahang Darul Makmur
  1. Pusat Rawatan Islam Kiswah: Terapi Ruqyah Syar'iyah
  2. Pusat Rawatan As-Syifa'
- I. Terengganu Darul Iman
  1. Pusat Rawatan Islam Al-Madani (PRIA)
  2. Pusat Rawatan Ikhtiar Darul Syifa' (PURIDAS)
  3. Pusat Perubatan Holistik & Alternatif
  4. Pusat Rawatan Komplimentari Al-Syufia: Bekam & Refleksologi
  5. Pusat Rawatan Islam Darul Manzil (RIDAM)
  6. Pusat Rawatan Islam Badan Ukhwah Darul Iman – (BUDI Losong)
- J. Kelantan Darul Naim
  1. Pusat Rawatan Tradisional Al-Tunjuniah Al-Fununiah
  2. Pusat Rawatan Tradisional Khairey
  3. Pusat Rawatan Tradisional & Bekam
  4. Pusat Rawatan Walinur Syifa'
  5. Pusat Rawatan Qalibun Asrar

### **Skop dan Metodologi Kajian**

Kajian ini menilai tahap persepsi masyarakat Muslim terhadap pengubatan Islam di Malaysia. Menggunakan kaedah persampelan secara rawak, responden terdiri daripada 379 orang pesakit yang mengunjungi subjek kajian merangkumi 70 pusat-pusat rawatan Islam. Pesakit-pesakit yang datang ke pusat-pusat rawatan Islam

akan dinilai persepsi mereka berhubung isu-isu berbangkit, terutama berkaitan prospek masa depan pengubatan Islam di Malaysia. Perlu ditegaskan bahawa ahli keluarga yang menemani pesakit tidak digolongkan sebagai responden kajian.

Pada awal tahun 2013, *pilot test* telah dijalankan terhadap 100 orang pesakit yang mendapatkan rawatan di Darussyifa' (Persatuan Perubatan Pengubatan dan Kebajikan Malaysia) yang berpangkalan di Bangi, Selangor untuk mengukur tahap *validity* set borang soal selidik. Subjek dipilih disebabkan beberapa faktor, iaitu antara pusat rawatan yang terawal di Malaysia, mempunyai kalangan ahli dan pengamal yang signifikan, struktur rawatan yang sistematik dan sentiasa dikunjungi oleh pelbagai lapisan masyarakat dari seluruh Malaysia. Semua 100 orang pesakit tersebut telah dipilih secara rawak.

Hasilnya, *cronbach's Alpha* yang diperoleh adalah .720. Justifikasinya, jumlah tersebut lebih besar daripada julat ditetapkan (0.6). Demikian disimpulkan bahawa keabsahan borang kaji selidik adalah diiktiraf.<sup>5</sup>

Jadual 1: *Reliability Statistics*

Cronbach's Alpha	N of Items
.720	31

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Data-data kuantitatif berikut kemudian dianalisis bentuk kekerapan dan rujuk silang mengguna pakai perisian *Statistical Package for the Social Science* versi 16.0. Ini bertujuan memastikan analisis dan pemprosesan data dilakukan secara tepat serta memperoleh pemahaman yang signifikan daripada respon.

Soal selidik terdiri daripada tiga bahagian, iaitu bahagian A, B dan C. Bagi soalan skala bahagian C, pengkaji menggunakan 5 poin skala mata yang telah dibahagikan kepada pengkelasan *sangat tidak setuju, tidak setuju, setuju, sederhana setuju* dan *sangat setuju*.

Daripada itu, ditetapkan tiga kategori tahap penilaian persepsi sebagaimana di atas. Ini membenarkan untuk membuat kesimpulan dan menginterpretasikan data yang relevan daripada skala jawapan yang selari dengan tahap persepsi responden.

---

<sup>5</sup> Yusmini Md. Yusoff, "Malaysian Muslim Counsellors' Perceptions on Value-Neutral Stance and Religious Values in Counseling Practice A Preliminary Study," *Jurnal Usuluddin*, 40 (2014), 173-198.

Jadual 2: Tahap Persepsi Responden Berdasarkan Skala Jawapan

Skala Jawapan	Tahap Persepsi	Julat Skor
○ Sangat Tidak Setuju ○ Tidak Setuju	Rendah	1.00-2.33
○ Setuju	Sederhana	2.331-3.66
○ Sederhana Setuju ○ Sangat Setuju	Tinggi	3.661-5.00

**Dapatan Kajian**

**Bahagian A: Latar Belakang Responden**

Soalan 1-5 bahagian A soal selidik dirangka bagi memperoleh butir-butir peribadi responden.

Jadual 3: Demografi Responden

Latar Belakang Responden		Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	199	52.5
	Perempuan	180	47.5
	Jumlah	379	100.0
Umur	17 tahun ke bawah	9	2.4
	18 tahun - 29 tahun	127	33.5
	30 tahun - 40 tahun	92	24.3
	41 tahun - 50 tahun	71	18.7
	51 tahun ke atas	80	21.1
	Jumlah	379	100.0
Status	Belum berkahwin	136	35.9
	Berkahwin	215	56.7
	Duda/Janda	28	7.4
	Jumlah	379	100.0
Taraf Pendidikan Tertinggi	Sekolah Rendah	27	7.1
	Pondok/Pesantren	14	3.7
	Sekolah Menengah	129	34.0
	IPT Dalam Negara	175	46.2
	IPT Luar Negara	33	8.7
	Lain-lain	1	0.3
Jumlah	379	100.0	
Pekerjaan	Kerajaan	105	27.7
	Badan Berkanun	31	8.2
	Swasta	100	26.4
	Bekerja Sendiri	61	16.1
	Tidak Bekerja	55	14.5
	Pelajar	27	7.1
	Jumlah	379	100.0

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

## Bahagian B: Interaksi Terhadap Pengubatan Islam di Malaysia

Dalam bahagian ini, analisis dilakukan terhadap pengetahuan dan interaksi responden terhadap pengubatan Islam di Malaysia. Interaksi di sini memberi maksud mengkaji hubungan aktif responden terhadap pusat rawatan yang terdapat di Malaysia. Berikut merupakan dapatan kajian merujuk kepada jawapan untuk soalan B1-B6.

Jadual 4: Pengetahuan dan Interaksi Responden Terhadap Rawatan Alternatif Berteraskan Islam di Malaysia

Bil.	Soalan	Jawapan	Kekerapan	Peratusan
B1	Pengetahuan mengenai kewujudan	Ya	368	97.1
		Tidak	11	2.9
		Jumlah	379	100.0
B2	Pernah dapat rawatan	Ya	346	91.3
		Tidak	33	8.7
		Jumlah	379	100.0
B3	Bentuk pusat rawatan yang dirujuk	Rawatan Berteraskan Islam	318	83.9
		Pusat Rawatan Bekam	26	6.9
		Rawatan Tradisional (Bomoh, dukun)	32	8.4
		Pusat Rawatan Allopati	1	0.3
		Lain-lain	2	0.5
Jumlah	379	100.0		
B4	Bentuk rawatan yang dirujuk	Penyakit yang disebabkan oleh gangguan makhluk halus	312	82.3
		Penyakit fizikal	34	9.0
		Penyakit yang berkaitan jiwa atau mental	28	7.4
		Lain-lain	5	1.3
		Jumlah	379	100.0
B5	Dorongan merujuk	Kesukaran hospital atau klinik untuk mengubati pesakit	133	35.1
		Lebih yakin dengan pendekatan dalam rawatan Islam	96	25.3
		Mencuba sesuatu yang baru	40	10.6
		Desakan daripada ahli keluarga atau rakan-rakan	24	6.3
		Kemahuan sendiri mendapatkan rawatan berteraskan Islam	84	22.2
		Lain-lain	2	0.5
		Jumlah	379	100.0



Bil.	Soalan	Jawapan	Kekerapan	Peratusan
B6	Sumber pengetahuan	Media Massa	100	26.4
		Media Elektronik	55	14.5
		Iklan papar tanda	25	6.6
		Makluman daripada rakan-rakan / ahli keluarga	174	45.9
		Usaha sendiri mencari	25	6.6
		Jumlah	379	100.0

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

### **Bahagian C: Potensi Masa Hadapan Pengubatan Islam di Malaysia**

Dalam bahagian ini, analisis dijalankan berhubung prospek masa hadapan pengubatan Islam di Malaysia. Berikut merupakan dapatan kajian merujuk kepada jawapan untuk soalan skala C1-C3.

Jadual 5: Persepsi Responden Terhadap Masa Hadapan Rawatan Alternatif Berteraskan Islam di Malaysia

Bil.	Soalan	Skala Jawapan	Kekerapan	Peratusan
C1	Pusat rawatan alternatif Islam akan berkembang dengan pesat dan mempunyai masa depan yang cerah	Sangat Tidak Setuju	3	8
		Tidak Setuju	9	2.4
		Setuju	98	25.9
		Sederhana Setuju	114	30.1
		Sangat Setuju	155	40.9
		Jumlah	379	100.0
C2	Pusat rawatan alternatif Islam boleh mengambil alih tempat/peranan hospital dan klinik	Sangat Tidak Setuju	17	4.5
		Tidak Setuju	90	23.7
		Setuju	123	32.5
		Sederhana Setuju	85	22.4
		Sangat Setuju	64	16.9
		Jumlah	379	100.0
C3	Pusat rawatan alternatif Islam boleh bergabung dengan hospital/klinik	Sangat Tidak Setuju	6	1.6
		Tidak Setuju	18	4.7
		Setuju	107	28.2
		Sederhana Setuju	107	28.2
		Sangat Setuju	141	37.2
		Jumlah	379	100.0

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam pada itu, dilaksanakan analisis rujuk silang bagi mengkaji signifikan antara demografi responden terhadap soalan C1. Ini penting bagi memahami elemen yang mempengaruhi

pemilihan jawapan responden. Hasilnya boleh dilihat pada dua jadual berikut:

Jadual 6: Analisis Rujuk Silang (*Cross-Tabulation*)  
Antara Umur Terhadap Soalan C1

SC1: Pusat rawatan alternatif Islam bakal berkembang dengan lebih pesat dan maju pada masa akan datang							
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sederhana Setuju	Sangat Setuju	Jumlah
Umur (tahun)	<17	0	1	2	3	3	9
	18-29	3	1	30	40	53	127
	30-40	0	0	29	26	37	92
	41-50	0	6	14	19	32	71
	51>	0	1	23	26	30	80
Jumlah		3	9	98	114	155	379

Jadual 7: *Chi-Square Tests*

	Value	df	Asymp. Sig. (2-sided)
<i>Pearson Chi-Square</i>	27.888 <sup>a</sup>	16	.033
<i>Likelihood Ratio</i>	25.464	16	.062
<i>Linear-by-Linear Association</i>	.001	1	.969
<i>N of Valid Cases</i>	379		

a. 13 sel (52.0%) telah memenuhi jangkakan dengan hasil kurang daripada 5. Jumlah minimum yang dijangkakan adalah .07.

Dalam jadual berikut, taburan tertinggi responden terdiri daripada golongan berumur daripada 18 hingga 29 tahun dengan majoriti “sangat setuju” bahawa dengan kenyataan “pusat rawatan Islam bakal berkembang dengan lebih pesat dan maju pada masa akan datang” dengan jumlah 53 orang, diikuti 40 “sederhana setuju” dan 30 “setuju.” Seterusnya, bagi golongan berumur daripada 30 hingga 40 tahun, seramai 37 orang mengatakan “sangat setuju”, 26 orang “sederhana setuju” dan 29 orang “setuju”. Taburan terendah responden pula yang berumur 17 tahun ke bawah.

Dalam pada itu, *chi-square test* menunjukkan keputusan  $\chi^2=27.888$ ,  $df=16$ ,  $p < 0.05$  yang mana keputusan tersebut mempunyai signifikan antara umur dengan soalan C1. Angka standard residual adalah kecil (0.1-1.0). Kesimpulannya, umur responden mempengaruhi pemilihan jawapan dalam soalan C1.

Demikian dapat dirumuskan semua peringkat umur mempunyai keyakinan dan persepsi yang tinggi terhadap prospek masa hadapan pengubatan Islam di Malaysia.

Selain daripada itu, pengkaji turut mengkaji signifikan demografi responden terhadap soalan C3. Hal ini sebagaimana dua jadual berikut:

Jadual 8: Analisis Rujuk Silang (*Cross-Tabulation*) Antara Taraf Pendidikan Tertinggi Terhadap Soalan C3

SC3: Pusat rawatan alternatif Islam boleh berkembang apabila bergabung dengan hospital dan klinik							
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sederhana Setuju	Sangat Setuju	Jumlah
Taraf Pendidikan Tertinggi	Sekolah Rendah	0	1	4	14	8	27
	Pondok/ Pesantren	1	0	4	3	6	14
	Sekolah Menengah	4	10	41	22	52	129
	IPT Dalam Negara	1	6	47	55	66	175
	IPT Luar Negara	0	1	11	13	8	33
	Lain-lain	0	0	0	0	1	1
Jumlah		6	18	107	107	141	379

Jadual 9: *Chi-Square Tests*

	Value	df	Asymp. Sig. (2-sided)
<i>Pearson Chi-Square</i>	30.860 <sup>a</sup>	20	.057
<i>Likelihood Ratio</i>	31.430	20	.050
<i>Linear-by-Linear Association</i>	.031	1	.861
<i>N of Valid Cases</i>	379		

a. 15 sel (50.0%) telah memenuhi jangkakan dengan hasil kurang daripada 5. Jumlah minimum yang dijangkakan adalah .02.

Dalam jadual 9 dan 10, taburan tertinggi responden yang berlatarbelakangkan pendidikan IPT dalam negara secara majoriti “sangat setuju” dengan pernyataan bahawa “pusat rawatan Islam boleh berkembang apabila bergabung dengan hospital dan klinik” seramai 66 orang, 55 orang “sederhana setuju” dan 47 orang “setuju”. Ini diikuti responden berlatarbelakangkan pendidikan

sekolah menengah seramai 52 orang “sangat setuju”, 41 “setuju” dan 22 “sederhana setuju. Taburan responden terendah adalah berlatarbelakangkan pendidikan pondok/pesantren.

Di samping itu, *chi-square test* menunjukkan keputusan  $\chi^2=30.860$ ,  $df=20$ ,  $p < 0.05$  yang mana keputusan tersebut mempunyai signifikan antara taraf pendidikan tertinggi dengan soalan C3 Angka standard residual adalah kecil (0.1-1.0). Kesimpulannya, taraf pendidikan tertinggi adalah mempengaruhi pemilihan jawapan responden terhadap soalan C3. Walaupun begitu, jawapan setuju dan sederhana setuju berada pada taburan sekata iaitu dengan 107 mata. Hal ini membuktikan persepsi responden terhadap penyatuan pusat rawatan alternatif Islam dengan institusi kesihatan kontemporari adalah berada pada tahap yang sederhana.

### **Perbincangan dan Rumusan Kajian**


Berdasarkan dapatan yang dinyatakan dalam perbincangan terdahulu, majoriti responden sebanyak 91.3% pernah merujuk kepada khidmat rawatan alternatif. Subjek turut mengetahui kewujudan pusat rawatan Islam di Malaysia dengan peratusan sebanyak 97.1%. Secara lebih terperinci, pengetahuan responden dalam hal ini adalah bertitik tolak daripada maklumat yang disalurkan rakan-rakan atau ahli keluarga (45.9%) dan media massa (26.4%).

Dalam pada itu, pengubatan Islam menunjukkan jumlah rujukan tertinggi oleh masyarakat sebanyak 83.9%. Ini membuktikan peranan penting pengubatan alternatif berteraskan Islam kepada masyarakat Muslim di Malaysia berbanding pengubatan alternatif yang lain. Apabila dikaji dengan lebih mendalam, hal ini didorong oleh beberapa faktor, iaitu: (1) kesukaran pihak institusi kesihatan moden untuk merawat pesakit tertentu dengan peratusan sebanyak 35.1%. (2) lebih berkeyakinan dan percaya kepada pendekatan dalam pengubatan Islam dengan peratusan 25.3%, dan (3) kesedaran atau kemahuan sendiri merujuk kepada khidmat pengubatan Islam (22.2%). Mengambil contoh daripada dapatan soal selidik, penyakit yang mencatat taburan tertinggi rujukan oleh masyarakat adalah gangguan makhluk halus dengan jumlah sebanyak 82.3%, diikuti penyakit fizikal 9.0%, dan penyakit berkaitan emosi/rohani (7.4%).

Hasil sorotan literatur turut mendapati bahawa masyarakat Muslim cenderung kepada pemilihan pengubatan alternatif disebabkan tidak berpuas hati dengan kaedah rawatan moden. Kedua, rawatan mampu memberikan sepenuh kuasa kepada pesakit untuk membuat keputusan. Ketiga, kaedah rawatan yang lebih sesuai dengan *worldview* dan *self beliefs* pesakit.<sup>6</sup> Dalam erti kata yang lain, faktor pemilihan oleh pesakit adalah mendorong kepada peningkatan tahap keyakinan terhadap kaedah pengubatan Islam sebagai sokongan kepada rawatan moden.

Seterusnya merujuk kepada prospek masa hadapan pusat rawatan Islam, hasil analisis telah diringkaskan dalam rajah berikut:

Rajah 1: Rumusan Keseluruhan Hasil Dapatan  
Rumusan Analisis Prospek Masa Hadapan  
Rawatan Alternatif Berteraskan Islam



Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

<sup>6</sup> John A. Astin, "Why Patients Use Alternative Medicine: Results of a National Study", *JAMA* 1998; 279 (19), pp. 1548- 1553.

Daripada gabungan keseluruhan data jawapan tertinggi responden berkaitan jangkaan potensi masa hadapan pengubatan Islam di Malaysia, dapat disimpulkan secara deskriptif bahawa sokongan terhadap pusat rawatan Islam dalam kalangan responden adalah amat memberangsangkan. Ini ditunjukkan dalam soalan C1 “*Pengubatan Islam bakal berkembang dengan pesat dan mempunyai masa depan yang cerah*” dan C3 “*Pusat rawatan Islam boleh bergabung dengan hospital dan klinik*”. Majoriti responden secara purata dengan masing-masing sebanyak 71% dan 65.4% memaparkan persepsi tahap tinggi berhubung paradigma subjek untuk berkembang dan peluang integrasi dengan institusi moden.

Manakala dalam soalan C2, respons tertinggi responden menyatakan pandangan pertengahan (setuju) bagi analisis jawapan subjek tersebut “*Pusat rawatan Islam boleh mengambil alih peranan hospital dan klinik dalam rawatan penyakit*” sebanyak 32.5%. Oleh hal yang demikian, tahap persepsi masyarakat dalam isu “pengambilalihan peranan” adalah berada pada tahap sederhana.

Berdasarkan analisis rujuk silang yang telah dilakukan, naratif keyakinan yang ditunjukkan dalam kalangan masyarakat Muslim terhadap potensi masa hadapan pusat rawatan Islam untuk berkembang maju adalah berada pada tahap tinggi. Hal ini disokong oleh semua lapisan masyarakat daripada usia 18 sehingga kepada 51 tahun ke atas yang mengunjungi pusat-pusat rawatan Islam seluruh Malaysia.

Sementara itu, persepsi tahap tinggi turut ditonjolkan masyarakat agar diwujudkan jalinan integrasi antara pusat rawatan Islam dengan institusi kesihatan kontemporari terutamanya daripada golongan berpendidikan tinggi. Hal ini turut disokong golongan berpendidikan sekolah rendah, sekolah menengah dan pondok/pesantren. Dalam erti kata yang lain, hal ini mendapat dukungan semua lapisan masyarakat daripada pelbagai latar belakang.

Sehubungan dengan itu, rumusan kajian yang dapat dinyatakan adalah: Pertama; respons dan permintaan masyarakat Muslim terhadap kaedah pengubatan Islam adalah tinggi. Para responden cukup yakin dengan prospek perkembangan bidang pengubatan Islam di Malaysia yang lebih pesat. Kedua; kerangka

cadangan untuk diwujudkan gabungan antara pengubatan Islam dengan institusi kesihatan kontemporari adalah amat memberangsangkan. Hal demikian walaupun memerlukan sedikit masa untuk dilaksanakan proses adaptasi secara menyeluruh, penting bagi memenuhi kehendak masyarakat semasa. Ketiga; pengubatan tradisional perlu terus dibangunkan walaupun persepsi responden membuktikan kecenderungan kepada pemilihan pengubatan moden sebagai langkah lebih mujarab. Justifikasinya, 70% populasi di negara membangun masih bergantung kepada sistem pengubatan komplementari, terutama di kawasan kampung atau desa.<sup>7</sup>

Sebagai kesimpulan, kombinasi antara pengubatan Islam dan kontemporari perlu dilaksanakan. Hal ini kerana pengubatan Islam perlu bergerak seiringan dengan kemajuan teknologi. Walau bagaimanapun, solusi terbaik dalam rawatan penyakit bukan dengan cara pengambil alih peranan institusi kesihatan semasa. Oleh demikian, hal ini perlu diperhalusi bagi memelihara kepentingan bersama.

Dalam hal ini, pengubatan Islam adalah penting dan bermanfaat kepada masyarakat di Malaysia. Walau bagaimanapun, subjek mungkin mencetuskan bahaya *vice versa* terhadap pesakit jika terus diabaikan rujukan terhadap pusat pengubatan kontemporari dalam usaha ikhtiar kesembuhan penyakit. Akhirnya bagi menangani isu responden yang masih kurang yakin terhadap prospek pusat rawatan Islam, pendedahan secara intelektual perlu diberikan secara *tadarruj* (perlahan-lahan) agar masyarakat mampu menerima dan memahami peranan pengubatan Islam secara total.

### **Penghargaan**

Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) -FP025-2015A-  
“Indeks Patuh Syariah Pengubatan Alternatif Islam di Malaysia.”

---

<sup>7</sup> Hassan Azaizeh et al., “Traditional Arabic and Islamic Medicine, A Re-Emerging Health Aid”, *eCAM*, 7, issue.4 (2010), pp. 419–424.

## Rujukan

- Esther Walcott. “Seni Pengobatan Alternatif: Pengetahuan dan Persepsi”. Kerja Kursus Program Australian Consortium for in Country Indonesia Studies (ACICIS). Malang, Indonesia: Universitas Muhammadiyah, 2004.
- Hassan Azaizeh et.al, “Traditional Arabic and Islamic Medicine, A Re-Emerging Health Aid.” *eCAM* 7, no.4 (2010): 419–424.
- Ibrahim bin Syed. “Spiritual Medicine in the History of Islamic Medicine”. *JISHIM* 2, Issue 4 (2003): 45-49.
- John A. Astin. “Why Patients Use Alternative Medicine: Results of A National Study”. *JAMA* 279, 19 (1998): 1548- 1553.
- Khadher Ahmad et al. “Understanding the Perception of Islamic Medicine Among the Malaysian Muslim Community”. *Journal of Religion and Health (JORH)*, Springer US, (2017) (e-ISSN 1573-6571), 1-15.
- Khadher Ahmad, Mohd Farhan Md Ariffin & Ishak Suliaman. “Pusat Rawatan Alternatif Islam di Malaysia: Analisis Terhadap Latar Belakang Pengasas dan Isu Penggunaan Jin dalam Rawatan”. *Jurnal Usuluddin* 20 (2014): 71-98.
- M Adib, Salim “From The Biomedical Model to the Islamic Alternative: A Brief Overview of Medical Practices in the Contemporary Arab World”. *Social Science and Medicine* 58, Issue 4 (2004): 697-702.
- Norhafizah Musa & Che Zarrina Sa’ari. “Pendekatan Psikoterapi Islam dalam Menguruskan Tekanan Pesakit Kronik”. *Jurnal Usuluddin* 47, 1 (2019): 1-34.
- Timmermans, Karin. ASEAN Workshop: TRIPS, CBD and Traditional Medicines: Concepts and Questions. Jakarta, n.p 2001), 13-15:02.01.
- Werner, Roland. *Transcultural Healing, the Whole Human*. Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1983.
- Xu Hao, Chen Ke-Ji. Complementary and Alternative Medicine: Is it Possible to be Mainstream? *Chin J Integr Med* 18, 6 (2012): 403-404.